

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JUN 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : <https://www.sinarharian.com.my/article/205963/BERITA/Nasional/RMK12-akan-ubah-Malaysia-menjadi-ekonomi-pekeliling-mampan>

RMK12 akan ubah Malaysia menjadi ekonomi pekeliling mampan



Mustapa Mohamed. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) disasarkan untuk mengubah model ekonomi linear konvensional negara yang telah terbukti berbahaya kepada alam sekitar kepada model ekonomi pekeliling yang mampan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, peralihan tersebut akan membolehkan Malaysia mencapai langkah sistemik ke arah daya tahan dalam tempoh jangka panjang, menghapuskan penggunaan dan amalan pengeluaran tidak mampan serta menangani isu perubahan iklim, kerosakan alam sekitar dan kemusnahan biodiversiti.

"Ekonomi pekeliling memberi tumpuan kepada pendekatan penggunaan dan pengeluaran bertujuan untuk melakukan lebih dan lebih baik dengan mengurangkan

penggunaan sumber serta meminimumkan kerosakan alam sekitar dan pencemaran bersama kitaran hayat barang dan perkhidmatan," katanya.

Mustapa berkata demikian dalam ucapan perasmianya pada perbincangan meja bulat anjuran bersama Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) dan Bloomberg di sini, pada Selasa.

Beliau berkata, menerusi pendekatan ini, permintaan terhadap sumber asli akan berkurangan sekali gus mengurangkan tekanan dan kesan terhadap alam sekitar.

"Ia akhirnya akan meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia," katanya.

Mustapa berkata, Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan lepas telah memulakan inisiatif pemangkin untuk memajukan pendekatan penggunaan dan pengeluaran yang mampan.

Contohnya ialah inisiatif perolehan kerajaan hijau (GGP) diperkenalkan pada tahun 2014 sebagai pemangkin untuk memacu penciptaan 'pasaran hijau' di Malaysia, katanya.

Beliau berkata, GGP berjaya meningkatkan bilangan produk dan perkhidmatan hijau berdaftar kepada 9,647 setakat Disember 2021 berbanding 1,330 pada 2017.

"Dalam menyokong dan melengkapkan ekonomi pekeliling, sektor swasta mesti memainkan peranan proaktif. Syarikat mesti mengutamakan agenda kemampaman dalam membangunkan pelan perniagaan mereka, seterusnya akan menghasilkan penyampaian produk dan perkhidmatan yang mesra alam," katanya.

Memetik data Suruhanjaya Eropah dan Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat, Mustapa berkata dianggarkan lebih 80 peratus daripada semua kesan alam sekitar berkaitan produk ditentukan semasa fasa reka bentuk sesuatu produk.

"Kerajaan tidak dapat mencapai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan secara bersendirian, sektor swasta harus sedar ia adalah tanggungjawab kita bersama," katanya. - Bernama